

Pengorbanan guru KAFA didik murid perlu dihargai

Isu membabitkan elaun guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) seharusnya mendapat perhatian semua pihak. Elaun yang diterima mereka bukan sahaja tidak setimpal, malah tidak berpatutan dengan kos sara hidup pada masa ini terutama mereka yang tinggal di kawasan bandar.


Jika diperhatikan, guru KAFA memainkan peranan yang cukup besar dalam mendidik dan memberi ilmu serta kefahaman mengenai Islam kepada anak didik mereka. Pembelajaran asas di sekolah KAFA adalah titik permulaan bagi seseorang Muslim untuk mempelajari ilmu agama yang meliputi mata pelajaran Jawi, Akidah, Sirah, Al-Quran, Fiqah, Akidah dan Adab yang diperkenalkan sejak Tahun Dua.

Adakah kita pernah bertanya siapa yang akan mengajar anak mengenai cara untuk bersolat selepas kita mengajar mereka di rumah.

Kewajipan guru KAFA

Jawapannya, guru KAFA yang akan mengajar anak kita. Mereka mengajar dari teori sehingga praktikal. Menjadi kewajipan mereka untuk mengajar perkara fardu ain seperti solat, puasa dan zakat yang mana ada sesetengah ibu bapa langsung tidak pernah mengajar anak mereka perkara itu atau memperkatakannya kepada mereka.

Pada waktu sama, guru KAFA memainkan peranan dalam membantu pencapaian akademik seseorang pelajar. Sebagai contoh, pelajaran Sirah dan Tilawah al-



Peranan guru KAFA penting dalam **membantu pencapaian akademik pelajar.**

[GAMBAR HIASAN]

Quran yang turut terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan (SK). Justeru, bagi pelajar yang tidak memahaminya ketika belajar di SK akan mendapat penerangan tambahan di sekolah KAFA.

Ini jelas menunjukkan kelas KAFA dapat membantu pencapaian seseorang pelajar. Justeru, dimanakah penghargaan dan terima kasih kepada guru KAFA.

Adakah mereka berbeza jika dibandingkan dengan guru mata

pelajaran lain dan adakah tidak wajar mereka mendapat kenaikan elaun?

Wan Amar Ikram

Wan Abdullah,

Universiti Sains Islam Malaysia